

Masalah banjir bakal berakhir

Kerajaan Negeri peruntuk RM4.2 juta untuk sembilan projek naik taraf

KLANG - Dalam usaha mengatasi banjir di daerah Klang, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Klang (MPK) bakal melaksanakan sembilan projek dianggarkan bernilai RM4.2 juta membabitkan penaiktarafan kolam tadahan dan sistem saliran.

Sinar Harian dimaklumkan, satu projek tertumpu di Klang Utara manakala lapan lagi dilaksanakan di Klang Selatan. Klang Selatan diberikan tumpuan lebih ekoran kawasan itu paling banyak dilanda banjir terburuk pada Mac lalu.

Sebahagian projek itu juga tertumpu di sekitar kawasan Bandar Bukit Tinggi yang mana membabitkan pelebaran kolam tadahan di Jalan Batu Nilam 13 dan menaik taraf serta menyelenggara sistem saliran di sekitar Jalan Batu Nilam 13 yang juga bermasalah.

Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) Zon N46 (A) kawasan Bukit Tinggi, Yew Boon Lye berkata, sebahagian projek itu sudah dilaksanakan awal bulan ini manakala selebihnya dalam proses untuk dijalankan.

Jangka siap November

"KESEMUA projek ini dijangka siap akhir November ini. Antara projek yang sedang dilaksanakan di Bukit Tinggi adalah pelebaran dua kolam tadahan di Jalan Batu Nilam 13 yang menelan kos dianggarkan bernilai RM220,000.

"Pelebaran ini penting kerana ia bakal menambah kapasiti air sejumlah kira-kira 6005 mililiter padu (m3) yang membabitkan beberapa lokasi berdekatan," katanya.

Menurutnya, satu kunci air yang berfungsi untuk menahan air ketika air laut pasang bagi menghalang air melimpah ke daratan juga bakal dibina.



Tinjauan dilakukan bagi mengenal pasti masalah berkaitan sistem saliran supaya penyelesaian jangka panjang dapat diambil untuk mengatasi masalah banjir.

"Terdapat juga perancangan projek yang dalam penyelidikan contohnya di Bayu Perdana yang mana kolam tadahan dijangka dibina di kawasan itu.

"Projek pembinaan kolam tadahan ini dijangka dibina bawah tanah sepertimana pernah dibina di Taman Sentosa.

"Sebaik pembinaan siap, bahagian atasnya akan diratakan dan dibina taman permainan. Cadangan pembinaan kolam tadahan di kawasan berkenaan adalah usaha mengatasi banjir serius di situ sebelum ini," katanya.

Beliau berharap harap pembinaan kolam tadahan tersebut dapat menghalang banjir



BOON LYE

daripada berulang di Taman Chi Liung, Bayu Perdana, Pandamaran, Bayu Tinggi dan Bandar Bukit Tinggi.

Dalam pada itu, beliau berkata, naik taraf sistem perparitan yang membabitkan semua jabatan kerajaan akan dilakukan.

"Kita menerima banyak aduan daripada orang awam berkenaan longkang yang tidak mampu menampung air yang banyak pada satu-satu masa terutamanya ketika hujan lebat.

"Kita dimaklumkan sekiranya hujan lebat melebihi tempoh setengah jam, pasti air akan melimpah dan berlaku banjir hingga memasuki kediaman penduduk terutamanya di Jalan Batu



Air melimpah keluar memenuhi jalan.

Nilam 13.

"Apatah lagi 80 peratus air dari beberapa lokasi akan berkumpul di Bandar Bukit Tinggi 1. Masalah sistem perparitan di kawasan terbabit menambahkan lagi risiko dilanda banjir apabila hanya satu saliran terpaksa menampung saluran lain dari kawasan berbeza pada satu-satu masa," katanya kepada *Sinar Harian* ketika turun padang melawat tapak projek mengatasi banjir di sekitar Bukit Tinggi, petang semalam.

Hadir sama, wakil Jabatan Kejuruteraan MPK, Naib pengerusi Persatuan Penduduk BBT 1, M Logeswaran dan beberapa penduduk di situ.

Sedia kemudahan terbaik

BOON Lye berkata, walaupun peruntukan oleh Kerajaan Negeri terhad namun pihaknya dan majlis sedia menyediakan kemudahan terbaik kepada rakyat khususnya dalam usaha mengatasi masalah banjir di daerah ini.

"Kita amat berharap kerjasama daripada jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan umpamanya Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) agar berganding bahu dengan Kerajaan Negeri bagi memberikan kemudahan terbaik kepada rakyat di negeri ini terutamanya berkaitan sistem saliran dan kunci air yang disyaki antara penyebab berlakunya banjir.

"Malah kita harap JPS dapat naik taraf kunci air milik mereka dalam kadar segera sebagai satu persediaan menjelang musim hujan," katanya.

Peruntukan sejumlah besar itu adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri dalam usaha mengatasi banjir selepas daerah Klang dilanda banjir teruk pada Mac lalu hingga banyak lokasi ditenggelami air.

Pelbagai projek diperkenalkan itu juga adalah hasil penyelidikan dan siasatan yang dilakukan jabatan terlibat bagi mengesan antara penyebab kepada berlakunya banjir di sini.



Saliran sempit dipercayai salah satu punca.



Kerja-kerja naik taraf sedang giat dijalankan di Bandar Bukit Tinggi.